

KEMPEN “SAVE ‘n’ WIN”TERMA & SYARAT (“T&S”)

Terma-terma dan Syarat-syarat seperti berikut adalah tertakluk pada Bank Muamalat Malaysia Berhad (“BMMB”) (6175-W), Kempen “Save ‘n’ Win”

1. Kempen “Save ‘n’ Win” (“Kempen”) akan bermula dari **09<sup>hb</sup> Januari 2016 sehingga 08<sup>hb</sup> Julai 2017** (“Tempoh Kempen”).
2. Kempen ini terbuka kepada semua para pelanggan individu baru dan sedia ada BMMB yang bermastautin di Malaysia.
3. Berikut adalah individu dan/atau organisasi yang TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini: -
  - Pemegang akaun korporat dan komersil; dan/atau
  - Kakitangan tetap dan/atau kontrak BMMB dan MISB; dan/atau
  - Ahli keluarga terdekat kakitangan BMMB dan MISB; dan/atau
  - Individu yang berumur di bawah 18 tahun.
4. Untuk Akaun Bersama, pemegang akaun utama sahaja yang akan menjadi peserta yang layak. Bilangan penyertaan akan ditentukan mengikut jumlah setiap akaun tanpa mengira bilangan akaun bersama dalam Akaun Simpanan-i di BMMB.
5. Pelanggan sedia ada Akaun Simpanan-i (Tawarruq) ONE REACH (**TARSA ONE REACH**)
  - 5.1 Para pelanggan yang layak menyertai Kempen ini perlu memberikan kebenaran bertulis (dengan mengisi Borang Permintaan Perkhidmatan) untuk menukar sementara produk **TARSA ONE REACH** ke **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”** di cawangan BMMB yang terdekat.
  - 5.2 Dengan menandatangani borang permohonan, pelanggan mengakui latihan penukaran dan telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat bagi **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”** dan **TARSA ONE REACH**.
  - 5.3 Setelah tamat tempoh Kempen, **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”** akan ditukar secara automatik kembali kepada **TARSA ONE REACH**.
  - 5.4 Selain daripada di atas, pelanggan juga boleh memilih untuk membuka **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”** yang BARU untuk layak menyertai Kempen ini.
6. Pelanggan sedia ada bagi lain-lain Akaun Simpanan
  - 6.1 Para pelanggan dikehendaki membuka **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”** yang BARU.

**6.2 Setelah tamat tempoh Kempen, Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win” akan ditukar secara automatik kembali kepada TARSA ONE REACH.**

## 7. Pelanggan baru

**7.1 Para pelanggan perlu membuka Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win”.**

**7.2 Setelah tamat tempoh Kempen, Akaun Simpanan-i (Tawarruq) “Save ‘n’ Win” akan ditukar secara automatik kembali kepada TARSA ONE REACH.**

## 8. Hadiah:

### a) Hadiah Bulanan

<b>Hadiah &amp; Pemenang BULANAN</b>			
Kedudukan	Jumlah Hadiah (RM)	Bilangan Pemenang Bulanan	Jumlah Pemenang untuk 6 bulan
Pertama	20,000	1	6
Kedua	10,000	1	6
Ketiga	5,000	1	6
Saguhati	1,500	5	30
<b>Jumlah</b>		<b>8</b>	<b>48</b>

### b) Hadiah Utama

<b>Hadiah &amp; Pemenang UTAMA</b>		
Kedudukan	Hadiah Utama	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Proton Perdana 2.4	1
Pertama	Proton Persona (1.6 Executive CVT)	1
Kedua	Proton Saga (1.3 Executive CVT)	2
Ketiga	Umrah/Baucar Pelancongan daripada Tradewinds Travel Services (TTS) untuk 2 orang (bernilai RM10,000 setiap orang)	2
Saguhati	Motosikal Modenas (CT115S)	5
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>

## 9. Pemilihan Pemenang

9.1 Dalam menentukan para pemenang, sistem Mata Terkumpul (MT) adalah digambarkan seperti di bawah:

### 9.1.1 Pemegang akaun sedia ada **TARSA ONE REACH**: -

- Pelanggan yang meminta perubahan produk sementara (seperti perkara No. 5.1) hendaklah menambah deposit minimum sebanyak RM500 dalam / beliau **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Save 'n' Win"**.
- Bagi pelanggan yang memilih untuk membuka Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Save 'n' Win" yang BARU perlu membuat deposit minimum sebanyak RM500.
- Untuk melayakkan diri bagi menyertai cabutan bertuah, pemegang akaun perlu mengekalkan baki harian minima sebanyak RM500. Bagi setiap RM500, pemegang akaun akan mendapat 1 MT.
- Jumlah bilangan MT adalah berdasarkan kepada baki terendah bulan ini.
- Perubahan produk sementara yang dibuat sebelum 11 hari bulan layak untuk Cabutan dalam bulan tersebut, manakala perubahan produk sementara yang dibuat pada 11 hari bulan dan seterusnya akan dimasukkan untuk Cabutan dalam bulan berikutnya.
- Akaun baru yang ditukar sebelum 11 hari bulan layak untuk Cabutan dalam bulan tersebut, manakala akaun yang ditukar pada 11 hari bulan dan seterusnya akan dimasukkan untuk Cabutan dalam bulan berikutnya.

### 9.1.2 Para pelanggan baru serta lain-lain pelanggan sedia: -

- Para pelanggan yang layak (seperti perkara No. 6 & 7) dikehendaki membuka Akaun Simpanan-i (Tawarruq) di bawah nama **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Save 'n' Win"** dengan deposit minima sebanyak RM500.
- Sebagai syarat untuk layak menyertai Cabutan, pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan baki harian minima sebanyak RM500. Untuk setiap RM500, pelanggan akan layak mendapat sebanyak 1 MT.
- Jumlah bilangan MT adalah berdasarkan kepada baki terendah bulanan.
- Akaun baru yang dibuka sebelum 11 hari bulan layak untuk Cabutan dalam bulan tersebut, manakala akaun yang dibuka pada 11 hari bulan dan seterusnya akan mula dimasukkan untuk Cabutan dalam bulan berikutnya.

### 9.1.3 Para pelanggan digalakkan untuk mengekalkan deposit minimum dalam akaun sepanjang tempoh Kempen.

### 9.1.4 Deposit, sama ada secara tunai mahupun cek boleh dibuat melalui kaunter, mesin deposit tunai, transaksi terminal deposit cek ataupun mana-mana cara deposit yang dibenarkan oleh pihak BMMB.

**9.2 Deposit cek adalah tertakluk kepada penjelasan cek dan hanya akan diambil kira dan diterima kelayakan apabila cek telah dikreditkan ke dalam akaun tersebut. Pemegang akaun (seperti perkara No. 6) berpeluang menyertai Cabutan BMMB seperti berikut:**

#### **9.2.1 Cabutan Bulanan**

- Calon yang layak akan disenarai pendek secara rawak melalui sistem ke senarai kelayakan bulanan penyertaan.
- Calon yang telah disenarai pendek dan telah berjaya memenangi satu (1) hadiah di dalam Cabutan Bulanan tidak layak untuk memenangi hadiah lain dalam bulan tersebut.
- Sekiranya tiada pemenang yang layak di dalam Cabutan Bulanan tertentu, hadiah yang diperuntukkan untuk bulan tersebut akan dibatalkan.
- Sebarang penutupan **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Save 'n' Win"** akan membatalkan kelayakan untuk Cabutan Bulanan kempen.

#### **9.2.2 Cabutan Utama**

- Calon akan disenarai pendek secara rawak melalui sistem pada bulan **Ogos 2017**.
- Pemenang hadiah Cabutan Bulanan layak untuk dipilih sebagai calon pemenang di dalam Cabutan Utama.
- Baucar Pelancongan untuk Pemenang Muslim adalah dihadkan untuk tujuan Umrah sahaja dan untuk Bukan Muslim baucar Pelancongan adalah terbuka kepada mana-mana destinasi (tertakluk kepada pakej sedia ada yang ditawarkan oleh TTS) seperti yang dikehendaki oleh pelanggan.
- Pemenang yang telah dikenal pasti, dikehendaki mengambil Umrah/Baucar Pelancongan dalam masa 3 bulan.
- Tempoh sah laku Umrah/Baucar Pelancongan adalah selama 6 bulan dari tarikh terbitan.
- Sebarang lanjutan tempoh sah tidak akan dilayan.
- Umrah/Baucar Pelancongan tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditunai dan tidak boleh diganti jika hilang atau dicuri.
- Selain di atas, pemenang juga terikat kepada mana-mana Terma & Syarat lain yang mungkin dikenakan oleh TTS.
- Sebarang pertanyaan/permintaan lain yang berhubungan dengan Umrah / Travel Baucer pakej, pemenang dikehendaki untuk merujuk kepada TTS.
- Sebarang penutupan **Akaun Simpanan-i (Tawarruq) "Save 'n' Win"** akan membatalkan kelayakan untuk Cabutan Utama kempen.

**9.3 Pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang dan keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menurut, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.**

## 10. Notis Pemberitahuan Pemenang

**10.1** Pemenang akan diberitahu melalui surat rasmi dan/atau panggilan telefon/perkhidmatan pesanan ringkas (SMS). Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang BMMB [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my), Facebook dan/atau surat khabar yang terpilih.

**10.2** Sekiranya BMMB tidak dapat menghubungi pelanggan yang menang dalam masa 30 hari kalender dengan sedaya upaya menggunakan saluran biasa komunikasi (iaitu panggilan telefon, SMS, surat) berdasarkan rekod yg sedia ada di BMMB, BMMB berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.

**10.3** Satu tarikh akan ditentukan oleh BMMB untuk majlis penyampaian hadiah (jika ada) dan semua pemenang perlu patuh pada yang berikut:-

- Wajib untuk semua pemenang hadir semasa majlis penyampaian hadiah;
- Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/SMS dan/atau surat untuk butiran majlis penyampaian hadiah; dan
- Sekiranya ada pemenang yang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah atas sebab yang sah, BMMB mempunyai hak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang lain.
- Pemenang bertanggungjawab untuk membuat susunan yang perlu dengan BMMB dan/atau pemaju/pengedar/ejen untuk mengumpul atau menebus hadiah mereka. BMMB tidak akan menanggung apa-apa penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau lain-lain kos yang mungkin ditanggung oleh pemenang sepanjang proses menebus atau menggunakan Hadiah.

## 11. Tuntutan Hadiah

**11.1** Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari setelah adanya hadiah tersebut untuk diambil (yang mana akan dimaklumkan oleh BMMB). Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian.

**11.2** Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang/perisyiharan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.

**11.3** Dalam kes kematian pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh beneficiari kepada simati dalam tempoh 21 hari dari tarikh si mati berserta Surat Pentadbiran dan/atau dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh BMMB. Sekiranya gagal, BMMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang cabutan lain.

**11.4** Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar dengan wang tunai (merujuk kepada hadiah Utama), kredit atau seumpamanya.

11.5 Hadiah-hadiah yang tertera adalah tertakluk kepada stok sedia ada. bmmb mempunyai hak tunggal dan mutlak untuk mengganti hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan tanpa memberi makluman terlebih dahulu kepada pemenang.

11.6 Hadiah-hadiah yang ditunjukkan dalam iklan dan lain-lain bahan pemasaran (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan rekabentuk sebenar mungkin berbeza.

## 12. Pengesahan dan Penguatkuasaan

12.1 BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

12.2 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, pemegang akaun adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal sekali gus membenarkan BMMB untuk mendedahkan informasi mengenai butir-butir pemegang akaun kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. BMMB mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Borang Kempen (jika ada), nama dan gambar pemenang ialah milik BMMB.

12.3 BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pemegang akaun yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau akibat daripada tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, perang, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.

12.4 Bagi perkara yang tersimpan dan tidak terkecuali untuk Terma-terma dan Syarat-syarat khusus kempen yang tertulis di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat akaun Simpanan-i di bawah konsep Tawarruq haruslah diguna pakai.

12.5 Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, terma dan syarat di dalam versi Bahasa Inggeris haruslah di guna pakai.

**12.6** Jika pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang dapat ditentukan oleh BMMB yang sepadan dengannya.

**12.7** BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat dengan notis. Terma dan Syarat boleh berubah atau diubah oleh BMMB melalui posting di laman web BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Kempen dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada terma dan syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap terma dan syarat (yang berubah atau diubah).

**12.8** Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.

**12.9** Terma & syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Shariah.